

07 JUN 2001

Abdullah-kewangan

ABDULLAH SANGKAL URA-URA BELIAU MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyangkal khabar angin kononnya beliau akan dilantik sebagai Menteri Kewangan bagi menggantikan Tun Daim Zainuddin yang meletak jawatan minggu lepas.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu menahu tentang siapa pengganti Daim, yang mengosongkan semua jawatan kerajaan dan parti tetapi kekal sebagai Anggota Parlimen Merbok.

"Kenapa tak tanya Perdana Menteri. Saya tidak ada kaitan dengan pelantikan menteri," kata Abdullah kepada pemberita apabila ditanya mengenai khabar angin sama ada beliau akan dilantik Menteri Kewangan.

Dr Mahathir kini memangku jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, kedua-duanya dikosongkan oleh Daim.

Abdullah yang turut ditanya tentang pengganti Daim sebagai Bendahari Agung Umno berkata bahawa jawatan itu pada masa ini dipangku oleh Dr Mahathir.

Ketika ditanya bila Bendahari Umno akan dilantik memandangkan parti itu akan mengadakan perhimpunan agungannya tidak lama lagi, Abdullah berkata: "(Ia dibuat) apabila presiden parti (Dr Mahathir) berpendapat pelantikan itu perlu dibuat."

Dalam hirarki parti, Umno tidak mempunyai jawatan Timbalan Bendahari.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, turut ditanya mengenai permintaan kumpulan Abu Sayyaf meminta seorang ahli politik dari Sabah Datuk Sairin Karno menjadi perunding tebusan penculikan kumpulan itu.

Katanya kerajaan Filipina dapat menyelesaikan masalah itu tanpa melibatkan kerajaan Malaysia.

Beliau berkata masalah penculikan oleh kumpulan Abu Sayyaf itu sedang ditangani dengan aktif oleh kerajaan Filipina manakala kerajaan Malaysia tidak nampak sebarang sebab untuk campur tangan.

"Kita tidak akan dapat terima undangan dari pihak Abu Sayyaf," katanya.

Menurut laporan Reuters hari ini, jurucakap puak pemisah itu, Abu Sabbaya, mahu kerajaan Filipina membenarkan Sairin menjadi "wakil Malaysia" berunding dengan mereka atau menerima risiko tiga orang tebusan rakyat Amerika tahanannya dibunuh.

Di MANILA, kerajaan Filipina hari ini mengecam tuntutan kumpulan Abu Sayyaf supaya Sairin dibenar berunding bagi pembebasan tebusan.

"Kami tidak boleh mengarahkan sesiapa terutama rakyat asing untuk berunding dengan Abu Sayyaf," kata jurucakap presiden Rigoberto Tiglao.

Tiglao berkata Presiden Gloria Arroyo telah melantik seorang pegawai tentera sebagai perunding dna beliau adalah satu-satunya wakil kerajana yang sah untuk berunding dengan Abu Sayyaf.

Tiga rakyat Amerika -- Martin Burnham, isterinya Gracia, 42, dan Guillermo Sobrero -- diculik dari sebuah kawasan peranginan dekat Pulau Palawan pada 27 Mei. Mereka adalah antara 13 tebusan yang ditahan oleh kumpulan Abu Sayyaf di Basilan.

Sementara itu, Duta Malaysia Arshad Hussain berkata kerajaan Malaysia tidak membenarkan sesiapa pun berunding dengan Abu Sayyaf.

Beliau berkata Malaysia belum menerima apa-apa permintaan daripada kerajaan Filipina bagi membantu menangani insiden penculikan itu.

-- BERNAMA

ALJ AFY SK FAZ